

22/09/1997

Swasta perlu jayakan Sukma

Minarni Mat Saad

SHAH ALAM, Ahad - Sektor swasta diminta menyumbang khususnya kewangan bagi membantu mengurangkan perbelanjaan kerajaan negeri dalam menjayakan Sukan Malaysia (Sukma) ke-7 yang akan berlangsung di Selangor, April depan.

Menteri Besar, Datuk Abu Hassan Omar, kerajaan negeri hanya akan memperuntukkan RM10 juta manakala Kerajaan Persekutuan sebanyak RM1 juta untuk Sukma.

Menurutnya, kerajaan negeri tidak akan menambah peruntukan walaupun jumlah RM10 juta yang disediakan tidak mencukupi berikutan Sukma adalah sukan terbesar negara yang memerlukan perbelanjaan besar.

Berikutan itu, katanya, kerajaan negeri akan mendapatkan bantuan sektor swasta untuk memberikan sumbangan kewangan bagi membantu meringankan perbelanjaan yang dijangka melebihi jumlah yang diperuntukkan.

"Beberapa syarikat swasta pada dasarnya sudah menyatakan persetujuan untuk memberikan komitmen, terutama dalam mengadakan publisiti," katanya di sini.

Abu Hassan berkata, bagi menjayakan Sukma, kerajaan negeri akan mengkaji bidang yang perlu untuk dibelanjakan seperti meningkatkan taraf infrastruktur dan fizikal tempat acara sukan berlangsung.

"Sebagai contoh, kita hanya akan membelanjakan kira-kira RM1 juta untuk menaiktarafkan jalan menuju ke lapangan sasaran di Subang manakala kemudahan lain di lapangan itu diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan kerana ia akan digunakan untuk pertandingan lain pula, selepas ini," katanya.

Beliau berkata, penganjur Sukma akan mendapatkan kerjasama agensi kerajaan, badan tertentu, persatuan sukan dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk membantu menjimatkan perbelanjaan dalam beberapa aspek lain seperti penginapan, kemudahan perubatan, pengangkutan dan tenaga sukarelawan.

Menurutnya, rombongan kerajaan negeri yang disertai ahli majlis mesyuarat akan mengadakan kunjungan ke setiap negeri bagi menjemput Menteri Besar dan Ketua Menteri menghadiri upacara perasmian.

"Semua ahli Exco di Selangor akan diberikan tanggungjawab dan tugas masing-masing untuk membantu memastikan acara Sukma berjalan lancar," katanya.

Menurutnya, perasmian dijadualkan berlangsung pada 18 April 1998 yang dijangka dilakukan Sultan Selangor manakala acara penutup pada 27 April akan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

(END)